



Subbudaya Simbol Sebagai Sebahagian Asas Identiti Sosial Mat Rempit

Muhamad Fuad Abdul Karim¹, Mohamad Fauzi Sukimi²

¹Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA Negeri Sembilan, Kampus Seremban, ²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

¹fuad645@uitm.edu.my, ²fauzi@ukm.edu.my

Informasi Artikel

Keywords

Subbudaya, simbol, bahasa isyarat, objek, Mat Rempit,

Abstract

Mat Rempit adalah kumpulan sosial yang masih kekal dalam masyarakat sehingga hari ini. Kumpulan sosial tersebut memiliki dan mengamalkan subbudaya simbol dalam aktiviti dan tingkahlaku mereka. Kajian ini ingin melihat sejauhmanakah simbol kumpulan Mat Rempit berperanan sebagai identiti sosial melalui interaksi sosial yang berlaku dalam kalangan mereka. Kajian yang dijalankan bertujuan untuk menghuraikan simbol yang dimiliki dan diamalkan oleh kumpulan Mat Rempit berdasarkan analisis *behaviouristic everyday-defined*. Kaedah pemerhatian tidak ikut serta digunakan untuk mendapatkan data-data kajian bersama tujuh orang informan melalui temubual mendalam. Persampelan *judgemental* digunakan bagi mendapatkan informan kajian melalui ciri-ciri Mat Rempit yang ditunjukkan seperti cara berpakaian dan perbualan dengan ahli-ahli kumpulan Mat Rempit menurut *behaviouristic everyday-defined*. Kajian ini berbentuk kualitatif dan menganalisis data-data kajian melalui pemahaman *behaviouristic everyday-defined*. Hasil kajian menunjukkan Mat Rempit mempunyai subbudaya simbol yang memberikan identiti sosial dalam membezakan diri mereka dengan masyarakat arus perdana. Oleh yang demikian, keberadaan kumpulan Mat Rempit dalam masyarakat disahkan secara tidak langsung melalui subbudaya simbol yang dimiliki.

Article Information

Keywords

Subculture, symbol, sign language, object, Mat Rempit

Abstract

Mat Rempit is a social group that remains in the society until today. This social group possesses and practices subculture symbols in their activities and behaviors. This study observes how the symbols of the Mat Rempit group serves as a social identity through the social interactions that occur within them. The study was aimed to describe the symbols owned and practiced by the Mat Rempit group based on the *behaviouristic everyday-defined* analysis. The non-participant observation method was used to obtain the research data with seven informants through in-depth interviews. The judgmental sampling was used to obtain informants of the study through

the characteristics of Mat Rempit such as the dressing style and conversation with members of the Mat Rempit group based on the behaviouristic everyday-defined. This qualitative research analyzes research data through the behaviouristic everyday-defined perspective. The findings show that Mat Rempit has a subculture symbols that provide social identity in differentiate themselves from mainstream society. Therefore, the existence of the Mat Rempit group in the society is indirectly verified by the subculture symbols owned by them.

PENGENALAN

Subbudaya merupakan segmen perkongsiaan terhadap *mores*, *folkways* dan nilai oleh sesebuah kumpulan sosial yang membezakan mereka daripada andaian bertingkahtlaku oleh sesebuah masyarakat (Giddens, 2009; Keirns et al., 2013; Kendall, 2014; Macionis, 2012; Schaefer, 2011). Subbudaya mempunyai bahasa, norma-norma, nilai-nilai dan pengesahan sosial positif dan negatif sebagai kawalan sosial sesuatu kumpulan (Giddens, 2009; Keirns et al., 2013; Kendall, 2014; Macionis, 2012; McShane & Glinow, 2018; Schaefer, 2011). Sesuatu subbudaya di antara ciri utama adalah mengandungi sejumlah nilai dan norma yang berfungsi sebagai agen kawalan sosial di mana setiap ahli kumpulan sosial adalah perlu dan dimestikan bertingkahtlaku dan berkelakuan piawai tidak kira yang bersifat konvensional dan bukan konvensional (Muhamad Fuad Abdul Karim, Rokiah Ismail, & Mohamad Fauzi Sukimi, 2009; Rokiah Ismail, 2004; Rokiah Ismail, Muhamad Fuad Abdul Karim, & Zaidah Mustapha, 2010). Perbincangan dalam artikel ini mengkhusus kepada subbudaya simbol ahli kumpulan Mat Rempit.

Elemen subbudaya juga dihipunkan dalam istilah yang disebut sebagai simbol (Macionis, 2012; Santoro, 2008; Schaefer, 2011). Simbol boleh hadir dalam bentuk yang boleh dilihat, iaitu, subbudaya material seperti objek. Objek sebagai contoh seperti pingat emas, perak atau gangsa yang dikalungkan semasa upacara penyampaian hadiah pertandingan sukan yang melambangkan kemenangan hasil daripada usaha bersungguh-sungguh. Simbol turut boleh hadir dalam subbudaya yang berbentuk bukan material seperti bahasa isyarat. Bahasa isyarat hanya hadir apabila digunapakai atau diperlukan seperti senyuman yang melambangkan rasa puas hati atau tanda kegembiraan. Walau apa pun bentuk simbol yang hadir sama ada subbudaya material atau subbudaya bukan material, subbudaya simbol tersebut membawa sebuah konsep makna. Makna yang dibawa oleh simbol-simbol yang dipertontonkan dalam bentuk material dan bukan material akan diinterpretasikan berdasarkan kefahaman terhadap kewujudan simbol itu. Pemahaman terhadap konsep makna terhadap simbol adalah berdasarkan ruang sosial yang terlibat dan *behaviouristic everyday-defined*. Oleh yang demikian, subbudaya ahli kumpulan Mat Rempit merujuk elemen simbol akan memperjelaskan subbudaya kumpulan tersebut melalui bahasa isyarat dan objek dalam ruang sosial mereka dan *behaviouristic everyday-defined*.

Kajian-kajian berkenaan isu sosial Mat Rempit seperti kajian Wong (2012) mendapati keterlibatan golongan muda dalam aktiviti ahli kumpulan Mat Rempit kebanyakan datang dari kalangan kelompok sosio-ekonomi yang rendah. Faktor-faktor utama yang mempengaruhi ahli kumpulan Mat Rempit terlibat dalam lumba haram adalah pengalaman, isu prestij, keterujaan dan rangsangan, kepuasan diri, pengaruh sosial dan memandang enteng risiko lumba haram seperti kemalangan dan tindakan pihak berkuasa. Penglibatan golongan muda dalam aktiviti ahli kumpulan Mat Rempit dilihat terdapat perkaitan di antara faktor keluarga dan rakan sebaya yang menjadi sebab utama (Haslinda Abdullah, Sarjit S.Gill, Nobaya Ahmad, Zaid Ahmad, & Syamsyihana Ghazali, 2009). Peranan keluarga dalam penerapan nilai dan agen asuhan anak-anak kini diambil alih oleh peranan rakan sebaya yang lebih memahami jiwa golongan muda dan sebagai alternatif mencari keseronokan dan penyelesaian konflik yang berlaku dalam kehidupan seharian. Faktor-faktor psikologikal iaitu konsep sendiri dan aspek personaliti seperti ekstroversi dan neurotisme, dan faktor sosiologikal iaitu pengaruh media dan desakan rakan sebaya didapati berkait secara positif dengan penyertaan diri remaja dalam lumba haram (Rozmi Ismail, 2004).

Kajian yang dijalankan cuba menjawab persoalan sejauhmanakah simbol kumpulan Mat Rempit berperanan sebagai identiti sosial melalui interaksi sosial yang berlaku dalam kalangan mereka. Kajian yang dijalankan bertujuan untuk menghuraikan simbol yang dimiliki dan diamalkan oleh kumpulan Mat Rempit berdasarkan analisis *behaviouristic everyday-defined*. Analisis *behaviouristic everyday-defined* menjelaskan bahawa sesuatu aktiviti dan tingkahtlaku adalah wajar dan dibolehkan amalannya dalam ruang sosial kumpulan sosial dalam masyarakat arus perdana.

METODOLOGI

Suatu kajian lapangan telah di jalankan di Ayer Keroh, Melaka terhadap tujuh orang informan bagi mendapatkan data-data kajian berkenaan subbudaya nilai dan norma kumpulan Mat Rempit. Informan terlibat berumur di antara 16 hingga 26 tahun. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah pemerhatian tidak ikut serta dan persampelan *judgemental*. Data-data semasa pemerhatian tidak ikut serta dikumpul menggunakan

buku catatan, rakaman audio dan gambar yang mana atas makluman dan pengetahuan informan dan ahli-ahli kumpulan Mat Rempit yang lain. Ini bertujuan memberikan keselesaan kepada informan dan ahli-ahli kumpulan Mat Rempit untuk terus menjalankan aktiviti dan tingkahlaku secara realiti dalam ruang sosial mereka serta etika sebagai penyelidik. Persampelan judgemental digunakan berdasarkan ciri-ciri seorang Mat Rempit melalui perspektif *authority-defined* dan *behaviouristic everyday-defined* seperti cara berpakaian, bahasa yang digunakan semasa perbualan, ciri-ciri motosikal yang telah diubahsuai yang tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan dan sebagainya.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahasa Isyarat Sebagai Simbol

Bahasa isyarat adalah cara berkomunikasi yang tidak menggunakan ucapan atau tulisan (sebagaimana lazim dalam sesuatu bahasa) tetapi menggunakan gerak isyarat anggota (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013). Bahasa isyarat memberikan pelbagai tasiran dan menghasilkan respon atau maklumbalas berdasarkan kefahaman individu atau kumpulan terhadap bahasa isyarat tersebut. Subbudaya ahli kumpulan Mat Rempit memiliki sejumlah bahasa isyarat yang menyokong interaksi dan komunikasi di dalam kumpulan. Interaksi dan komunikasi yang berlaku dalam kalangan ahli kumpulan Mat Rempit bukan hanya melibatkan bahasa yang dipertuturkan atau bahasa lisan tetapi juga menggunakan bahasa bukan lisan seperti bahasa badan atau gerak anggota tubuh badan. Bahasa bukan lisan digunakan bergantung kepada keadaan atau situasi seperti jika dalam keadaan tegang atau konflik, banyak bahasa bukan lisan akan digunakan seperti menggambarkan perkataan-perkataan kesat dan tindakan-tindakan ancaman. Sebagai contoh bahasa bukan lisan berkenaan perkataan kesat seperti tangan digenggam tetapi jari tengah atau jari hantu yang ditunjukkan dan isyarat jari digerakkan di bahagian leher bermaksud suatu tindakan ancaman yang akan diambil sehingga boleh membawa kecederaan atau kehilangan nyawa kepada orang lain. Fokus perbincangan adalah lebih kepada bahasa isyarat bukan lisan kerana makna yang disampaikan memerlukan kefahaman bagi kedua-dua pihak yang bertinteraksi maklum penggunaan sesuatu bahasa isyarat itu. Kajian melibatkan tujuh informan yang dilabelkan sebagai Informan A, Informan B, Informan C, Informan D, Informan E, Informan F dan Informan G.

Informan G telah terlibat dalam aktiviti ahli kumpulan Mat Rempit lebih daripada tiga tahun. Sebelum ini Informan G hanya kenal Mat Rempit hanya pada istilah yang diberikan kepada mereka. Pengalaman selama lebih tiga tahun memberikan peluang kepada Informan G mempelajari dan mengetahui bahasa-bahasa isyarat yang seringkali digunakan. Informan G menerangkan sebagai contoh dalam melahirkan rasa tidak puas hati dan perasaan marah, isyarat-isyarat lucu akan digunakan secara kerap bagi menyokong perkataan-perkataan kesat dan lucu yang telah dituturkan secara lisan. Sebagai contoh apabila Informan G marah dan mengeluarkan perkataan kesat dan lucu, perkataan kesat dan lucu tersebut dikirakan sebagai perkataan kesat dan lucu yang sangat memberi makna dan kesan yang teruk terhadap individu yang dituturkan perkataan tersebut sehingga boleh membawa kepada konflik dan pergaduhan. Penggunaan perkataan kesat dan lucu tersebut melambangkan bahawa seseorang ahli kumpulan Mat Rempit seolah-olah telah bersedia menghadapi kesan daripada perkataan kesat dan lucu tersebut. Menurut Informan G: *“Kena hadaplah...kau dah lambung (memulakan sesuatu tingkahlaku provokasi), kau maki orang, kau acah-acah abang (merujuk kepada seseorang yang seolah-olah mempunyai kuasa)... berani hadap ler... apa ada hal”*.

Perkataan kesat dan lucu itu juga adalah suatu provokasi terhadap individu lain selain memberikan tanda awal untuk memulakan pergaduhan. Kadang-kala dilihat sebagai suatu gurauan kasar. Informan G pernah secara spontan memberikan isyarat kesat dan lucu dengan jari di tangan kiri akan membuat bentuk bulatan yang berlubang dan jari telunjuk di tangan kanan akan ditolak masuk dan ditarik keluar berulang kali. Bahagian jari-jari kiri melambangkan kemaluan perempuan manakala jari telunjuk tangan kanan melambangkan kemaluan lelaki dan seolah-olah memberikan makna aktiviti seks lelaki dan perempuan secara bebas. Menurut Informan G: *“Bila aku dah carut, kena maki, keluar mencarut memang aku direct balun mangkuk (kata ganti diri individu yang berkonflik dengan Informan G) tu..... aku kalau marah aku tak kira kau siapa.... Janji hati mesti puas maaaa.... Sabau-sabau story dah habis...”*.

Perlakuan tersebut amat memberikan kepuasan kepada Informan G dan Informan G pernah bergaduh sehingga menggunakan senjata iaitu pisau. Walaupun begitu, tiada berlaku kecederaan bagi pihak yang terlibat dalam pergaduhan itu. Kadang-kala tidak semua keadaan Informan G berani melakukan perkara sedemikian kerana bergantung juga kepada situasi dan ciri-ciri seseorang seperti saiz tubuh badan dan sebagainya.

Informan B pula menegaskan bahawa bahasa kesat dan lucu yang digunakan serta isyarat-isyarat kesat dan lucu membawa dua maksud kepada penerima. Maksud yang pertama melambangkan rasa negatif seperti perasaan marah dan rasa tidak puas hati manakala hal tersebut juga melambangkan tahap keakraban dan hubungan yang rapat bersama dengan ahli-ahli lain. Informan B menjelaskan: *“Bang... macam kau tanya tu kan... kita orang ni kalau cakap-cakap memang kasar tapi hati baik... kau nak tahu baik tak baik try ko join...”*

mendapatlah. *Kau tengok macam dia, aku carutkan tu dah biasa... hehehe.... Sorry-sorry lawak der.... Hehehehe (sambil bergelak ketawa)*". Informan B turut menambah bahawa: "*Kau kalau aku dah marah kau tak diam... (keinginan menggunakan perkataan kesat dan lucu) dia yang minta... jangan start jer*". Penggunaan bahasa kesat dan isyarat lucu difahami adalah bagi menzahirkan perasaan seseorang ahli kumpulan Mat Rempit berada dalam konflik emosi kebiasaannya dan juga sebagai suatu tanda amaran.

Perkara yang sama turut diperakui oleh Informan D, Informan F dan Informan A bahawa bahasa kesat dan isyarat lucu adalah tanda bahawa timbul rasa tidak puas hati atau perasaan geram pada masa tersebut atau sesuatu perasaan geram yang telah disimpan sekian lama. Menurut Informan D: "*haaaaa.... Kalau dah kena maki tu level dah sampai lah (tahap kesabaran)...*". Informan D pada masa itu secara spontan mengangkat tangan kanan dengan jari tengah atau jari hantu diangkat dan ditunjukkan manakala jari-jari yang lain ditutup serta tangan kanan tersebut digoyangkan beberapa kali sebagai tanda mengukuhkan makna tanda atau isyarat lucu tersebut.

Respon yang ditunjukkan oleh Informan F berkenaan perkara yang sama adalah: "*Entahlah... dah biasa kot... kadang-kadang terus jadi kalau kau geram... baik kena maki daripada kau kena ketuk (pukul)*". Pada waktu ini Informan F tidak menunjukkan isyarat lucu tetapi Informan F ada menerangkan bahawa antara isyarat lucu yang digunakan adalah dengan menggenggam tangan kiri berbentuk penumbuk dan tangan kanan dibuka sambil menepuk-nepuk bahagian sisi penumbuk. Semasa tepukan itu dibuat dalam keadaan sama penumbuk serta tapak tangan kanan dipisahkan serta merta.

Bagi Informan A isyarat lucu digunakan dalam keadaan yang tertentu. Biasanya Informan A menggunakan isyarat lucu dan bahasa kesat bila Informan A merasakan dirinya tercabar dan seolah-olah diganggu oleh orang lain. Walaupun begitu, perkataan kesat dan isyarat lucu juga digunakan dengan teman rapat sebagai tanda kemesraan dan keakraban yang erat. Menurut Informan A: "*Aku marah ker, aku tak suka ker... carut pun tak sengaja... boleh tahan kita tahan tapi memang tak lah... tunjuk maki (isyarat lucu) kalau tergelak tu saja-saja jer... kalau dah geram biasa aku tunjuk ni je*". Isyarat yang ditunjukkan Informan A sama seperti yang dilakukan oleh Informan D.

Bagi Informan C dan Informan E isyarat lucu digunakan ketika marah atau berasa tidak puas hati. Menurut Informan C: "*Kadang-kadang kau tengah naik motor ada kereta ker buat taik... kalau sempat aku sepakkan ajer kereta tu... tunjuk ni haaa (isyarat lucu) lepas tu blah...*". Isyarat lucu yang digunakan juga sama seperti yang digunakan oleh Informan D.

Informan E agak ekstrim. Informan E gemar menggunakan isyarat lucu yang keterlaluan. Menurut Informan E: "*Kalau tak puas hati betul-betul aku tunjukkan... apa ada hal... nak habis, habiskan kan kat situ jer... aku tak nak simpan bikin bimbang. kau tak o.k mai sini lah... kita gentle (bersifat dewasa)*". Informan E memberitahu isyarat lucu yang sering dilakukan adalah tangan kiri memegang kemaluan dan jari telunjuk kanan menunjuk ke arah kemaluan yang dipegang.

Oleh yang demikian, umumnya bahasa isyarat lucu yang disulami dengan perkataan kesat adalah simbol atau lambang ketidakuasan hati ahli kumpulan Mat Rempit. Mereka akan menggunakan bahasa isyarat tersebut secara berulang kali sebagai suatu provokasi terhadap orang lain. Pada masa yang sama bahasa isyarat lucu dan bahasa kesat adalah sesuatu keseronokan atau gurauan bila digunakan semasa bersama dengan ahli kumpulan Mat Rempit yang lain dan rapat. Perbuatan tersebut menggambarkan keharmonian dan keselesaan hubungan yang terjalin di kalangan ahli kumpulan Mat Rempit. Pemahaman makna dan maksud bahasa isyarat yang digunakan hanya benar-benar difahami penggunaannya di kalangan ahli kumpulan Mat Rempit iaitu merujuk kepada *behaviouristic everyday-defined*.

Semasa berkonvoi atau menunggang motosikal secara berkumpulan, ahli kumpulan Mat Rempit akan berkumpul terlebih dahulu di RV (lokasi berkumpul) yang telah dijanjikan. Apabila kebanyakan daripada ahli kumpulan Mat Rempit telah hadir, tanda bagi persediaan memulakan konvoi atau pergerakan dalam kumpulan adalah dengan membunyikan motosikal dengan kuat. Bunyi bising yang kuat dihasilkan daripada bunyi enjin dan bunyi ekzos yang digunakan oleh ahli kumpulan Mat Rempit. Pada waktu itu, ahli-ahli kumpulan Mat Rempit yang lain akan turut bersama-sama membunyikan motosikal mereka dengan kuat. Suasana akan menjadi hiruk-pikuk disertai bunyi hon motosikal. Keadaan ini melambangkan bahawa pada ketika itu jalan raya seolah-olah telah diambil alih oleh ahli kumpulan Mat Rempit. Kenderaan-kenderaan yang lalu berhampiran kumpulan Mat Rempit tersebut perlu berhati-hati kerana jika berlaku kemalangan bersama ahli-ahli kumpulan Mat Rempit, mereka berkemungkinan boleh bertindak ganas seperti memukul dan mencederakan pemandu serta membuat kerosakan terhadap kenderaan yang terlibat dalam kemalangan tersebut. Rata-rata pengguna jalan raya lebih bersikap berhati-hati bila berhadapan atau berselisih dengan kumpulan Mat Rempit di

jalan raya. Menurut Informan G: *“Kita orang nak gerak mesti ada yang lead... bising-bising ni ada semangat mau masuk maaaa... dia start jalan nanti yang lain-lain follow jer lah. Kecoh sikit lah... relax aaaaa...”*.

Bunyi bising yang dihasilkan secara tak langsung adalah untuk mendapatkan perhatian orang-ramai yang ada di sekeliling mereka dan bunyi bising yang dihasilkan seolah-olah adalah suatu pengumuman atau tanda bagi ahli-ahli kumpulan Mat Rempit yang lain untuk bersedia dan kekal bersama dalam kumpulan. Adakalanya bunyi bising tersebut melambangkan provokasi terhadap individu atau orang lain dan juga tanda marah atau tidak puas hati.

Pengkaji mendapatkan penjelasan berkenaan isyarat atau tanda bunyi bising yang sering dilakukan oleh ahli kumpulan Mat Rempit ketika beramai-ramai di jalan raya dan menurut Informan B: *“Bang... adat ler bising-bising... remp-remp (perbuatan memulas pendikit motosikal) kasi bunyi keluar... barulah meriah malam minggu... nanti tak der ler yang lain tertinggal ker... diorang tahu group ada kat depan tu...”*.

Isyarat bunyi bising sebagai tanda pemberitahuan kepada ahli-ahli kumpulan Mat Rempit yang lain sama ada mereka tertinggal jauh atau masih lagi bersama kumpulan. Perkara ini turut disokong oleh Informan A, Informan C, Informan D, Informan F dan Informan E. Bunyi bising dan hon motosikal adalah sebagai suatu isyarat pengumuman yang berlaku secara tidak langsung dan secara tidak langsung mengarahkan ahli kumpulan Mat Rempit yang lain untuk bersedia.

Menurut Informan A: *“Tengah-tengah berhenti kat traffic light... kalau lampu nak hijau ker... tak pun agak-agak nak langar lampu merah... yang depan buat-buat bising... bila lead kat depan gerak jer... yang budak-budak kat belakang dah ready dah nak jalan (bergerak).”*

Selain itu menurut Informan C: *“Kat jalan mana nak tau bila nak jalan... dah bising-bising tu dah nak geraklah... sendiri mau ingat”*.

Bagi Informan D pula bunyi bising memang isyarat untuk bersedia tapi dalam masa yang sama sebagai suatu tanda amaran kepada pengguna jalan raya yang lain untuk memberi laluan kepada mereka: *“Dah bunyi tak faham-faham nak tunggu ker... baik bagi group kita orang blah dulu... kalau sangat (bercalar) kereta diorang tak der nyer nak berhenti tepi nak settle... blah jer...”*.

Informan F menjelaskan bunyi bising daripada motosikal sebagai kaedah memeriahkan perjalanan konvoi atau beramai-ramai bersama ahli kumpulan Mat Rempit dan perkara sama turut disampaikan oleh Informan E. Menurut Informan F: *“Motor bunyi bising-bising ni kan pesta malam minggu...”*.

Menurut Informan E pula: *“Bunyi ekzos ni kalau bunyi, orang nanti tahu kita orang dah keluar... nanti kalau sampai Mamak (restoran) diorang dah ready nak sambut... hehehe...”*

Bunyi bising motosikal dan hon yang dilakukan oleh ahli kumpulan Mat Rempit adalah lebih kepada fungsi suatu pengumuman dan persediaan bagi ahli-ahli kumpulan Mat Rempit dengan aktiviti di jalan raya yang mereka lakukan. Secara tidak langsung bunyi motosikal dan hon seolah-olah melambangkan suatu keseronokan dan kehadiran besar sekumpulan Mat Rempit di sesuatu tempat. Secara tidak langsung juga bunyi motosikal dan hon adalah tanda bagi pihak-pihak lain seperti pengguna jalan raya yang lain dan pemilik restoran atau kedai makan sedar tentang kehadiran mereka dan membuat persiapan dan persediaan yang sepatutnya seperti lebih berhati-hati dan berjaga-jaga dengan kehadiran ahli kumpulan Mat Rempit. Ini dilihat sebagai suatu pengiktirafan sosial terhadap keberadaan kumpulan Mat Rempit.

Oleh yang demikian, bahasa isyarat yang digunakan oleh ahli kumpulan Mat Rempit sebenarnya memberikan makna dan maksud untuk sesuatu tindakan dan tingkahlaku itu dilakukan. Bahasa isyarat tersebut adalah simbol lambang keperibadian dan sikap ahli kumpulan Mat Rempit.

Objek Sebagai Simbol

Objek adalah subbudaya simbol yang dicirikan sebagai subbudaya material kerana boleh dilihat dan memberi suatu makna yang khusus terhadap sesebuah kumpulan seperti kumpulan Mat Rempit. Objek bermaksud sesuatu yang boleh disentuh dan dilihat (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013). Contoh subbudaya simbol yang melibatkan objek adalah bendera sesebuah negara seperti Malaysia yang mana bendera itu perlu dihormati dan diperlakukan sewajarnya dan melambangkan penghormatan dan jati diri rakyat. Sekiranya objek tersebut seperti bendera Malaysia diperlakukan dengan sesuatu yang tidak sewajarnya maka terdapat respon dan tindakan terhadap perkara tersebut daripada bukan sahaja pihak berkuasa malah masyarakat Malaysia. Seseorang individu atau kumpulan boleh dikenakan tindakan undang-undang kerana tidak menghormati bendera Malaysia dan mendapat kecaman dan kritikan daripada masyarakat Malaysia. Kumpulan Mat Rempit dan juga kumpulan sosial dan devian lain mempunyai subbudaya objek yang menjadi simbol bagi sesebuah kumpulan.

Sebagai contoh motosikal yang dimiliki adalah objek yang sangat dijaga rapi dan menjadi simbol kebanggaan dan syarat sebagai ahli kumpulan Mat Rempit. Motosikal adalah sesuatu yang wajib dan salah satu ciri utama sebagai ahli kumpulan Mat Rempit. Objek kedua yang juga penting dan melambangkan maruah seorang ahli kumpulan Mat Rempit adalah topi keledar atau helmet. Topi keledar atau *helmet* selain digunakan semasa menunggang motosikal, objek tersebut juga digunakan sebagai senjata mempertahankan diri jika diancam atau untuk mengancam individu lain.

Motosikal sebagai objek subbudaya yang amat penting kumpulan Mat Rempit. Berdasarkan temubual mendalam bersama responden, pengkaji mendapati motosikal membawa makna yang begitu besar dan sentimental terhadap ahli kumpulan Mat Rempit. Motosikal adalah lambang dan identiti sebagai seorang Mat Rempit. Sebagai seorang ahli kumpulan Mat Rempit, memiliki sebuah motosikal adalah syarat penting dan sebagai suatu kewajipan. Motosikal yang dimiliki bukan sahaja digunakan untuk perlumbaan haram tetapi juga sebagai kenderaan untuk menjalankan aktiviti harian seperti ke tempat kerja dan untuk pergi ke sesuatu tempat. Sekiranya terjadi sesuatu terhadap motosikal ahli kumpulan Mat Rempit seperti tercalar, terjatuh dan sebagainya, pemilik motosikal akan berusaha untuk memperbaiki kecacatan atau kerosakan yang berlaku terhadap motosikal. Terdapat juga di kalangan ahli kumpulan Mat Rempit meletakkan simbol motosikal sebagai 'isteri' atau 'kekasih'. Kadangkala kerana sebuah motosikal boleh menimbulkan perkelahian dan pergaduhan sesama ahli kumpulan Mat Rempit dan orang lain di sekitar mereka. Bagi memastikan motosikal berada dalam keadaan terbaik, terdapat beberapa ubahsuaian dilakukan terhadap motosikal mereka.

Informan A menjelaskan motosikal yang dimilikinya diandaikan nyawanya sendiri. Menurut Informan A: "*Aku sayang sangat dengan motor aku ni, dah anggap macam nyawa aku sendiri. Aku service on time... mana-mana yang aku boleh buat sendiri aku buat, aku basuh, aku kilatkan sendiri ada duit lebih aku hantau pergi basuh kat car wash. Kalau ada benda-benda rosak aku tak boleh layan... aku hantau terus kat kedai motor... budak yang repair motor aku ni dah selalu pasal motor aku ni... aku hatau kat dia jer tahu lah dia nak buatnyer*". Seterusnya menurut Informan A: "*Aku kepantasan orang usik motor aku ni, dah aku jaga jangan nak buat-buat hal...*".

Bagi Informan B pula, motosikal yang dimiliki menjadikan Informan B dikenali di kalangan ahli kumpulan Mat Rempit disebabkan hanya kerana ekzos yang mengeluarkan bunyi yang sedap didengar oleh ahli-ahli kumpulan Mat Rempit yang lain dan bunyinya yang kuat. Informan B mengeluarkan belanja yang agak besar bagi memiliki ekzos tersebut. Menurut Informan B: "*Diorang kata dari jauh kalau dengar ekzos aku ni dah tahu yang datang tu aku... hehehehe... Tapi sakit jugak lah kalau ada block kat jalan ker (sekatan jalan raya)... ada otek (polis) nak tahan ker... bunyi kuat doooo...*". Informan B juga memaklumkan: "*Ekzos ni yang aku pakai ni ada bagi up sikit dia punya laju... tapi minyak mentedarah jugak... Orang panggil aku Mat Rempit pun sebab motor ni haaaaa... aaaaaaa lawak ler*".

Informan C dan Informan D bercerita pengalaman bersama motosikal sehingga membuatkan mereka terlibat dalam pergaduhan dan pertengkaran. Menurut Informan C: "*Ada sekali tu aku nyaris hempuk (pukul) ada pakcik tu kat Klebang... Masa tu aku baru tukau mud guard depan dengan ada buat cat sikit kat body... aku dah lah parking motor kat situ, dah tahu nak keluarkan motor buat lah elok-elok sikit... kau dah tarik motor kau keluar... hati kau panas depan body yang dah cat tu kena sangat... dan dan tu dia keluar dia tak masuk balik motor aku... aku sound (marah) aaaa... apa aku peduli... dah tu tak nak ngaku pulak... nasib dah tua... tak sedar diri... tulah masa tu... koyak jugak lah (sedih)*".

Manakala Informan D memberitahu: "*Ada member aku pinjam motor aku... dah pinjam buat macam nenek dia punya (sindiran)... dah lah pinjam motor aku tak taruk minyak (isi minyak)... boleh dia suruh aku ambil motor kat rumah dia... ok lah tu kau amik motor... aku datang ambil motor aku, mana tak menyirap (marah) motor aku tu dia letak kat luar pagau dia jer... tak basuh satu hal... dengan taik ayam penuh kat seat dengan kat tayar... ini sudah lebih... aku ambil motor, aku lepas tu tak der lah bagi pinjam lagi... aku jumpa dia... tak banyak cakap aku tampau muka dia aku blah... bangang simpan banyak sangat... tak der pulak nak repeat... Nampak muka dia macam nak bagi tapak jer (pukul)*".

Kedua-dua responden Informan C dan Informan D agak keras nadanya semasa menceritakan kejadian yang berlaku terhadap mereka. Walaupun kejadian yang sama pernah dialami oleh orang lain tetapi Informan C dan Informan D menyatakan bahawa motosikal mereka adalah keperibadian mereka dan perasaan runsing juga boleh berlaku bila terdapat kerosakan dan calar di bahagian motosikal mereka.

Informan E dan Informan F pernah bertaruh motosikal milik mereka untuk perlumbaan haram tetapi ditukar dalam bentuk duit pertaruhan kerana amat menyayangi motosikal mereka. Motosikal adalah maruah pada mereka dan jika kalah dan motosikal gagal dipertahankan, kejadian itu akan tular dan menjadi bahan ejekan dan sindiran ahli-ahli kumpulan Mat Rempit yang lain.

Menurut Informan E: “*ada pernah taruk motor masa buka game kat tahun lepas... rasa macam boleh... adalah Mamat (seorang lelaki) ni ajak nak main tiang (jarak perlumbaan)... Aku on jer... tengah-tengah feel (fokus dalam lumba haram) motor aku ni buat hal pulak... overheated... cuak aaaa... nasib aku kenal jugak Mamat tu... nego-nego pm tepi (perbincangan selepas perlumbaan)... aku bayar sikit kat dia... rabak aaaa (rugi)... Malu siot... Aku minta sangat-sangat diamankan ajer jangan bagitau orang lain... Kalau terjumpa dia, dia senyum sakit pulak hati kanda... Kawan abang aku...Nasib boleh sembang tepi... tidak habis aku, malu oooo”.*

Pengalaman Informan F motosikal miliknya sebelum ini hilang dalam pertarungan memberikan tamparan hebat bagi dirinya. Menurut Informan F: “*Aku ada buka game, aku letak motor aku... aku kalah... motor bye-bye (hilang sebagai taruhan)... nasib bukan motor aku... motor panas (curi)... Merah juga lah muka ni... setahun kena bahan (sindir dan ejekan)... Tak boleh nak kata apa... Tebal muka (malu)... dah lah tak nak ingat...”.* Perbualan tidak disambung kerana Informan F tidak mahu meneruskan cerita kekalahan tersebut.

Informan G memaklumkan bahawa kerana motosikal yang dia miliki walaupun motosikal terpakai, beliau telah diterima untuk terlibat dalam aktiviti ahli kumpulan Mat Rempit. Menurut Informan G: “*Tengok diorang pusing ramai-ramai malam-malam rasa best pulak... kumpul duit sikit... bayar muka... bulan-bulan bayar... macam mana nak ikut dia orang kalau tak ada motor... asik-asik naik dengan orang, orang pun jadi boring... naik lemau asik tumpang orang.”.*

Topi keledar atau *helmet* juga merupakan sebahagian daripada subbudaya simbol ahli kumpulan Mat Rempit. Perkara ini hanya dijelaskan oleh Informan F, Informan E dan Informan B manakala Informan A, Informan C, Informan D dan Informan G sekadar bersetuju berhubung dengan penjelasan mereka. Informan F memaklumkan bahawa topi keledar atau *helmet* sesuatu yang amat berharga kerana dibeli dengan kos yang tinggi. Informan F memiliki *helmet* daripada jenama Shoei yang dibeli secara terus semasa pertandingan perlumbaan MotoGP di litar Sepang, Selangor Darul Ehsan.

Menurut Informan F topi keledar atau *helmet* adalah objek yang diletakkan di kepala dan Informan F amat sensitif untuk meletakkan topi keledar atau *helmet* di tempat yang tidak sepatutnya. Informan F berbangga menunggang motosikal bersama topi keledar atau *helmet*. Menurut Informan F: “*Helmet ni macam kepala kita nombor dua... helmet ni ada hati dia... dia jaga kepala kita... sebab tu aku jaga... orang nak pinjam tak der aku bagi... Mak aku naik dengan aku pun aku bagi dia pakai helmet lain”.*

Bagi Informan E topi keledar atau *helmet* MS 888 atau *Apollo* adalah topi keledar atau *helmet* kegemarannya. Topi keledar atau *helmet* tersebut memberikan identiti kepada diri Informan E dan suatu kebanggaan memakainya.

Menurut Informan E: “*Aku pakai helmet Apollo jer... banyak stiker... macam-macam... Senang nak pakai, senang nak jaga. Motor kapcai (motosikal dibawah 110cc) pakai Apollo pun dah handsome”.* Menurut Informan E lagi, kebanyakan ahli kumpulan Mat Rempit topi keledar atau *helmet* daripada jenama tersebut adalah jenama yang banyak digunakan dan telah lama menghiasi dunia permotoran anak muda jalanan di Malaysia.

Bagi Informan B topi keledar atau *helmet* *Apollo* adalah topi keledar atau *helmet* yang sering Informan B gunakan kerana itu adalah topi keledar atau *helmet* kepunyaan arwah teman rapatnya. Menurut Informan B topi keledar atau *helmet* tersebut banyak memperkenalkan Informan B kehidupan sebagai ahli kumpulan Mat Rempit. Topi keledar atau *helmet* inilah yang dibeli buat pertama kalinya sebelum topi keledar atau *helmet* lain digunakan. Informan B menyediakan tempat simpanan khas untuk topi keledar atau *helmet* tersebut.

Oleh yang demikian, terdapat dua subbudaya simbol berkaitan objek yang menjadi simbol bermakna sebagai ahli kumpulan Mat Rempit iaitu motosikal dan topi keledar atau *helmet*. Kedua-dua objek tersebut dilihat seperti maruah, harga diri atau nilai sentimental sebagai ahlikumpulan Mat Rempit. Perkara ini disebabkan sebagai ahli kumpulan Mat Rempit, kedua-dua objek tersebut sangat sinonim dengan kehidupan dan cara hidup ahli kumpulan Mat Rempit. Jika diteliti subbudaya pemilik-pemilik motosikal berkuasa tinggi, kedua-dua objek yang sama tetap menjadi sebahagian daripada imej dan identiti pemilik motosikal.

KESIMPULAN

Mat Rempit merupakan kumpulan sosial dalam masyarakat yang memiliki dan mengamalkan subbudaya berdasarkan *behaviouristic everyday-defined*. Pemilikan dan amalan subbudaya membuatkan kumpulan Mat Rempit berjaya mendefinisikan diri mereka berbeza dengan masyarakat arus perdana melalui simbol kumpulan. Elemen subbudaya tersebut digunakan secara tidak langsung sebagai alat kawalan dan pengiktirafan sosial bagi ahli-ahli kumpulan Mat Rempit beraktiviti dan bertingkah laku sewajarnya mengikut kehendak kumpulan sosial

mereka. Simbol tersebut boleh berlaku sama ada secara positif atau negatif bergantung kepada persetujuan dan perbincangan sosial dengan ahli-ahli kumpulan dan juga ahli-ahli masyarakat. Simbol kadangkala dilihat sebagai sebahagian daripada elemen perpaduan dan tindakan sosial yang terhasil dalam kalangan ahli kumpulan Mat Rempit. Simbol juga adalah elemen yang membantu sebagai sumber keseronokan dan kata pemutus bagi sesuatu tindakan. Walaupun kumpulan sosial tersebut merupakan kumpulan tidak formal tetapi mampu berlangsung dan bertahan dalam tempoh yang lama dalam masyarakat konvensional di Malaysia melalui subbudaya yang dimiliki dan diamalkan. Keberadaan kumpulan Mat Rempit dalam masyarakat melalui subbudaya simbol seakan mengesahkan kewujudan mereka secara tidak langsung. Oleh yang demikian, simbol kumpulan Mat Rempit telah berjaya menjadi sumber identiti sosial sebagai sebuah kumpulan dalam masyarakat.

RUJUKAN

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2013). *Kamus Dewan* (4th ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Giddens, A. (2009). *Sociology* (6th ed.). Cambridge: Polity Press.
- Haslinda Abdullah, Sarjit S.Gill, Nobaya Ahmad, Zaid Ahmad, & Syamsyihana Ghazali. (2009). Remaja dan budaya lumba haram di Lembah Klang. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 1, 165–178. Retrieved from <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/16511/>
- Keirns, N., Strayer, E., Griffiths, H., Cody-Rydzewski, S., Scaramuzzo, G., Sadler, T., & Vyain, S. (2013). *Introduction to Sociology*. Texas: OpenStax College.
- Kendall, D. (2014). *Sociology in Our Times: The Essentials* (10th ed.). Belmont: Thomson Nelson.
- Macionis, J. J. (2012). *Sociology* (14th ed.). New Jersey: Prentice Hall.
- McShane, S. L., & Glinow, M. A. Von. (2018). : *Organizational Behavior : Emerging Knowledge, Global Reality* (8th ed.). New York: McGraw-Hill Education.
- Muhamad Fuad Abdul Karim, Rokiah Ismail, & Mohamad Fauzi Sukimi. (2009). Sub-budaya Mat Rempit dan perubahan sosiobudaya Malaysian sociocultural change and the Mat Rempit sub-culture. *Malaysian Journal of Society and Space*.
- Rokiah Ismail. (2004). Sub-budaya Muzik Rock Bawah Tanah di Kalangan Remaja Bandar Underground Rock Music Sub-Culture Amongst Youth in the City. *Akademika*, 64, 97–131.
- Rokiah Ismail, Muhamad Fuad Abdul Karim, & Zaidah Mustapha. (2010). Golongan muda Mat Rempit: Suatu Ekspresi Sub Budaya. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(1), 1–10.
- Rozmi Ismail. (2004). Gejala perlumbaan motosikal haram di kalangan remaja: Peranan keluarga dan masyarakat dalam mengenai gejala ini. In Univesiti Kebangsaan malaysia (Ed.), *Prosiding Seminar Kebangsaan Ke-3 Psikologi dan Masyarakat 2004, "Gejala Sosial Dalam Masyarakat."* Bangi: Pusat Teknologi Pendidikan.
- Santoro, M. (2008). Culture As (And After) Production. *Cultural Sociology*, 2(1), 7–31. <https://doi.org/10.1177/1749975507086273>
- Schaefer, R. T. (2011). *Sociology* (13th ed.). New York: Mc Graw Hill.
- Wong, L. P. (2012). Factors associated with illegal motorcycle street racing and help-seeking intention. *Behavioral Medicine (Washington, D.C.)*, 38(2), 54–63. <https://doi.org/10.1080/08964289.2012.661804>